

Headline : Kaji hutan Belum Temengor
Media Title : Utusan Malaysia
Date : 10 May 2014



Usaha kerajaan dapatkan pengiktirafan Tapak Warisan Dunia UNESCO

Kaji hutan Belum-Temengor

Oleh **KHAIRUL ABIDIN NUAR**

pengarang@utusan.com.my

GERIK 9 Mei - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mahu agensi berkaitan mengkaji kriteria dan garis panduan bagi membolehkan Hutan Hujan Tropika Belum-Temengor mendapat pengiktirafan sebagai salah satu Tapak Warisan Dunia Pertubuhan Pendidikan, Sainifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO).

Beliau berkata, kerajaan akan berusaha membangunkan hutan hujan tropika berusia 130 juta tahun itu kerana menepati spesifikasi nilai warisan dan ekonomi sekali gus berupaya menarik lebih banyak kunjungan pelancong.

"Sekiranya memenuhi kriteria, kerajaan Malaysia akan berusaha menjadikan kawasan ini sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO.

"Bila ada klasifikasi tersebut, akan ada nilai ekonomi dan ramai pelancong akan datang ke sini tetapi mesti dibawa secara yang terancang dan dikawal rapi, kita hendak pelancongan yang berkualiti," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan pembangunan Belum Rainforest Resort Fasa Kedua di Pulau Banding dekat sini hari ini.

Yang turut hadir, isteri beliau, Datin Seri Rosmah Mansor; Menteri Besar, Datuk Seri Dr. Zambry Abd. Kadir; Menteri Kerja Raya, Datuk Fadillah Yusof; Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Zulkifeli Mohd. Zin dan Pengerusi Kumpulan Emkay, Tan Sri Mustapha Kamal.

Pembangunan fasa kedua Belum Rainforest Resort merangkumi pembinaan 36 Deluxe Suit, enam buah chalet tradisional bercirikan rumah

kampung, sebuah vila eksklusif, kolam renang dan sebuah 'base camp', sebagai tambahan kepada 70 bilik sedia ada.

Kawasan Hutan Hujan Tropika Belum-Temengor merangkumi empat hutan simpan iaitu Taman Negeri Royal Belum, Hutan Simpan Belum, Hutan Simpan Temengor dan Hutan Simpan Gerik.

Dalam pada itu, Najib berkata, beliau bangga dengan inisiatif yang diterajui oleh Mustapha untuk membangunkan Belum Rainforest Resort dengan pelaburan lebih RM100 juta demi manfaat generasi akan datang terutamanya dalam soal pendidikan terhadap alam sekitar.

Menurut Najib, selain mempunyai nilai terapeutik dan unsur perubahan, Hutan Hujan Tropika Belum-Temengor juga kaya dengan flora dan fauna termasuk memiliki kira-kira 14 spesies yang hampir pupus serta bilangan spesies burung enggang lebih banyak dari negeri Sarawak.

"Saya tertarik dengan aspek pendidikan anak-anak sekolah yang saya

jumpa, datang dari sekitar negeri Perak. Mereka berada tiga malam di Base Camp Banding dan didedahkan dengan kesan ekologi dan ekosistem, justeru, saya percaya program seperti ini boleh diperluas.

"Saya hendak galakkan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) kita juga terlibat dalam kajian penyelidikan saintifik di sini," kata Najib yang turut tertarik dengan konsep Green Ranger Malaysia serta tanggungjawab sosial korporat (CSR) oleh Kumpulan Emkay terhadap masyarakat Orang Asli di sini.

Selain itu, Najib turut menza-

hirkan pengalaman unik berada di Belum Rainforest Resort yang disifatkan berbeza dengan lawatannya sebelum ini sekali gus mengingatkan beliau akan ayahandanya, Tun Abdul Razak iaitu orang yang bertanggungjawab membuka Empangan Temengor di sini pada 1974.

Menariknya, kata beliau, kawasan Hutan Hujan Tropika Belum-Temengor yang dahulunya tertumpu pada soal keselamatan dalam memerangi ancaman komunis, kini bertukar konsep menjadi pemangkin budaya untuk mencintai alam sekitar dan warisan negara.

Selain itu, beliau turut mencadangkan agar Belum Rainforest Resort yang kini mendapat pengiktirafan empat bintang, dijadikan lokasi pilihan untuk tetamu negara ala Camp David di Amerika Syarikat pada masa akan datang.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Emkay, Ahmad Khalif Mustapha Kamal berkata, pihaknya hanya boleh menghantar kertas kerja untuk mencadangkan pewartaan Hutan Hujan Tropika Belum-Temengor selepas dua tahun memandangkan Malaysia masih menganggotai jawatankuasa pemilihan dalam UNESCO.

Menurut beliau, inisiatif itu bagaimanapun perlu digerakkan oleh kerajaan negeri kepada kerajaan Persekutuan dan pihaknya menerusi Yayasan Pulau Banding, bersedia untuk menjadi sekretariat.

"Sekiranya kita mampu mendapat pengiktirafan dalam tiga tahun akan datang, saya percaya ini akan mendatangkan sumber pendapatan baharu kepada kerajaan negeri," katanya.

Headline : Kaji hutan Belum Temengor
Media Title : Utusan Malaysia
Date : 10 May 2014



NAJIB Tun Razak ditemani Rosmah Mansor menandatangani plak perasmian fasa kedua Belum Rainforest Resort di Pulau Banding, Gerik, Perak, semalam. Turut hadir, Zambry Abdul Kadir (kiri) dan Mustapha Kamal Abu Bakar (kanan) . - BERNAMA

Headline : Belum Rainforest Villa bakal dilancar
Media Title : Utusan Malaysia
Date : 10 May 2014



Belum Rainforest Villa bakal dilancar

Oleh **KHAIRUL ABIDIN NUAR**
ekonomi@utusan.com.my

GERIK 9 Mei - Kumpulan Emkay bakal memperluas fasa ketiga pembangunan Belum Rainforest Resort dengan pembinaan 45 buah Belum Rainforest Villa yang dijangka akan dilancarkan pada September ini.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Ahmad Khalif Mustapha Kamal (**gambar**) berkata, villa mewah seluas antara 4,000 ke 5,000 kaki persegi yang akan didirikan di kawasan seluas

antara 0.1 ke 2 hektar itu di bakal dijual pada harga sehingga mencecah RM12 juta.

"Villa dengan nilai pembangunan kasar (GDV) RM120 juta akan dimulakan di sebelah selatan Pulau Banding dengan pembinaan sebanyak 18 buah.

"Villa pertama akan mula dibina Jun ini dan menghadap pemandangan Tasik Temenggor. Pembangunannya adalah berdasarkan konsep jual dan bina dan kami menyasarkan segmen kumpulan yang mementingkan keperibadian.

"Sebanyak 27 buah lagi akan dibina di utara Pulau Banding. Sebahagian daripada pendapatan jualannya akan disalurkan bagi pemeliharaan alam sekitar serta projek pembangunan dan penyelidikan (R&D) di Pusat Penyelidikan Pulau Banding," katanya dalam satu sidang akhbar di sini hari ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini melancarkan fasa kedua pembangunan Belum Rainforest Resort dengan pembukaan 36 Deluxe Suite, enam buah chalet tradisional bercirikan rumah kampung, sebuah villa eksklusif, kolam renang dan base camp, sebagai tambahan kepada 70 bilik sedia ada.

Fasa keempatnya pula dijangka melibatkan pembinaan resort butik di Pulau Banding yang seluas 243 hektar.

Dalam pada itu, Ahmad Khalif berkata, pembinaan Belum Rainforest Villa mengambil kira tiga aspek utama iaitu manusia, bumi dan material.

Menurut beliau, rekaan villa tersebut akan mempunyai lebih banyak ruang terbuka bagi membolehkan pengudaraan bergerak secara semula jadi.

"Kediaman ini tidak seperti yang anda lihat di Maldives mahupun di Bali, Indonesia kerana kami menggabungkan villa

ini supaya anda merasainya sebagai sebahagian daripada alam semula jadi.

"Pembinaan villa ini juga hanya mengakibatkan kesan minimum pada alam sekitar kerana kita cuba membinanya dengan mengekalkan bentuk muka bumi yang asal," katanya.

Tambah beliau, villa yang turut disasarkan kepada golongan korporat dan individu berprofil tinggi itu juga mementingkan penggunaan material tempatan seperti buluh selain bahan binaan yang tidak menghasilkan pengeluaran karbon berlebihan.

Pembinaan villa ini juga hanya mengakibatkan kesan minimum pada alam sekitar kerana kita cuba membinanya dengan mengekalkan bentuk muka bumi yang asal

AHMAD KHALIF MUSTAPHA KAMAL
Ketua Pegawai Eksekutif



Headline	Najib rasmi Galeri Banding Memori Lebu Raya Timur Barat
MediaTitle	Utusan Malaysia
Date	10 May 2014



Najib rasmi Galeri Banding Memori Lebu Raya Timur-Barat

GERIK 9 Mei - Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini merasmikan Galeri Banding Memori Lebu Raya Timur-Barat yang terletak berhadapan Belum Rainforest Resort di sini hari ini.

Perdana Menteri meluangkan masa kira-kira 20 minit, diiringi oleh Menteri Besar, Datuk Seri Dr. Zambry Abd. Kadir; Panglima An-

gkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Zulkifeli Mohd. Zin dan Pengerusi Kumpulan Emkay, Tan Sri Mustapha Kamal.

Galeri yang menempatkan sebuah kubu pemerhati itu dipulihara dengan bantuan Muzium Tentera Darat dan Kumpulan Emkay.

Galeri itu menjadi satu tarikan

kepada sesiapa yang ingin mendalami sejarah pengorbanan anggota tentera daripada ancaman komunis ekoran cuba menggagalkan pembinaan lebu raya tersebut pada zaman darurat.

Yang turut mengiringi Najib ialah anggota Askar Wataniah pertama dan termuda yang menerima Pingat Gagah Berani dan terlibat

dalam pertempuran bersama komunis iaitu bekas Pegawai Waran 1 Ielias Ibrahim.

Najib dan isterinya, Datin Seri Rosmah Mansor yang hadir merasmikan fasa kedua Belum Rainforest Resort turut melawat model perkampungan Orang Asli di Tanjung 1 di sini.

Selain menyaksikan hasil kraf

tangan dan jahitan, Najib dan Rosmah turut dibawa menyaksikan 10 kanak-kanak Orang Asli dari Kampung Desa Damai mempraktikkan kaedah pembelajaran iPlay Toy Library, hasil inisiatif Yayasan Emkay bagi menggalakkan mereka belajar seawal umur dua tahun.

Selain itu, pemimpin nombor satu negara dan isteri turut menjamu pelbagai juadah tradisional masyarakat Orang Asli yang antara lain dibakar dalam buluh seperti nasi, ubi kayu, ikan baung dan umbut bayas.

Mereka juga kelihatan menikmati hidangan kopi dengan menggunakan gelas yang diperbuat dari buluh dan lebih dikenali sebagai takok.